

**NO SOALAN :62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
(KOTA BHARU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.05.2016**

**Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [ KOTA BHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan perniagaan “barter trade” yang dijalankan oleh peniaga terutama di negeri-negeri yang terletak di sempadan.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perniagaan *barter trade* merupakan salah satu inisiatif di bawah program kerjasama *Brunei - Indonesia - Malaysia - Phillipines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) sebagai fasilitasi perdagangan terutamanya kepada penduduk dan peniaga di sempadan. Para pemimpin negara-negara BIMP-EAGA

semasa BIMP-EAGA Leader's Summit di Langkawi pada tahun 2015 telah bersetuju supaya aktiviti *barter trade* terus dijalankan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji semula keperluan perniagaan *barter trade* ini dari semasa ke semasa berdasarkan kedudukan dan kesesuaianya.